

08/08/2003

Pengawasan ditingkat (HL)

Kadir Dikoh; Salina Abdullah

KUALA LUMPUR: Pemantauan dan pengawasan keselamatan akan dipertingkatkan di seluruh negara bagi memastikan kejadian seperti pengeboman di Jakarta Selalu lalu tidak berlaku di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan kejadian serangan bom seperti itu akan berterusan berikutan pendekatan Amerika Syarikat dalam menangani isu keganasan tidak berkesan.

Berikutan itu, katanya, kerajaan sentiasa berwaspada dan mengambil pelbagai langkah bagi membendung ancaman kepada keselamatan negara, malah sebelum kejadian 11 September 2001 di Amerika Syarikat.

"Di Malaysia kita berjaga-jaga dan sekarang ini kita akan pertingkatkan pengawasan bagi memastikan di Malaysia benda yang semacam ini tak akan berlaku," katanya kepada pemberita selepas upacara penamaan satelit pencerapan bumi kedua Malaysia, RazakSAT di Taman Teknologi Malaysia, semalam.

Dalam kejadian di Hotel JW Marriott di Jakarta itu, 14 orang dilaporkan terkorban manakala kira-kira 150 lagi cedera, termasuk tiga rakyat Malaysia.

Dr Mahathir berkata, selagi punca keganasan itu tidak diselesaikan, masyarakat dunia akan menghadapi masalah serupa.

Langkah pencegahan hendaklah dibuat secara berterusan kerana sebarang kelonggaran, menyebabkan masalah keganasan itu muncul kembali.

Beliau percaya kejadian itu tidak memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang diunjurkan tumbuh 4.5 peratus tahun ini.

"Semua orang tahu kita sudah ambil tindakan sebelum 11 September 2001 lagi. Kita lebih awal lagi tahu mengenai perkara ini. Pada masa itu, orang semua kata Malaysia zalim - tangkap orang, tahan orang.

"Tetapi sekarang ini, mereka tahu nak pilih yang mana - bom meletup dulu baru tangkap atau sebelum ia meletup kita tangkap," katanya.

Ditanya sama ada kegagalan Amerika menangani masalah di Asia Barat dengan baik menyebabkan kejadian keganasan terus berlaku, Perdana Menteri berkata, pendekatan Washington tidak akan mengurangkan ancaman pengganas.

"Ini akan berterusan bertahun-tahun selagi masalah dan sebab-sebab keganasan tidak ditangani. Macam mana kita ambil pencegahan pun, berapa lama kita nak boleh ambil pencegahan (tapi) satu hari kita relaks, dia jadi balik," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, tawaran untuk menjadi angkasawan pertama negara terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia, tanpa mengira latar belakang.

Katanya, peluang itu tidak terhad kepada ahli akademik atau anggota tentera sebaliknya dibuka kepada sesiapa yang berminat asalkan mematuhi syarat kelayakan minimum dan terlatih.

"Pemilihan angkasawan akan mengambil masa dua tahun. Kita akan minta sukarelawan dan kita perlu pilih dari segi kesihatan, pengetahuan, kecekapan. Akhirnya, kita kena kurangkan kepada dua atau tiga orang. Perlu ada backup (barisan sokongan).

"Kalau ada apa-apa pada hari nak terbang, dia sakit perut ke, kadang-kadang dia nak terbang dia sakit perut, jadi kena ada pelapis dan latihan akan mengambil masa," katanya sambil melahirkan keyakinan angkasawan pertama negara dapat dihantar menjelang 2005 sekali pun perlu menjalani latihan yang panjang.

Perdana Menteri menjelaskan program penghantaran angkasawan itu tidak membabitkan duit kerana ia dilaksanakan secara timbal balik menerusi perjanjian pembelian 18 jet pejuang Sukhoi (SU-30) MKN dari Russia bernilai RM3.42 bilion (AS\$900 juta).

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin berkata, angkasawan pertama Malaysia akan dihantar mengikuti misi dan penyelidikan bersama angkasawan Russia di angkasa lepas pada 2005.